

06 OCT 2002

FORUM-ASEAN/I

MAHATHIR: PASARAN ASEAN BOLEH KUKUH SEPERTI PASARAN CHINA

PUTRAJAYA, 6 Okt (Bernama) -- Pasaran Asean boleh menjadi kukuh seperti pasaran China memandangkan rantau Asia Tenggara mempunyai penduduk sebanyak 500 juta, kira-kira separuh daripada penduduk China, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

"Jika kita bekerja cukup keras, kita boleh menjadi pasaran yang amat besar. Kita boleh mengeluarkan banyak barangan bagi diri kita sendiri dan bagi seluruh dunia dan kita akan dapat menyaingi keluaran China," beliau memberitahu sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapannya pada majlis makan malam sempena sidang kemuncak Ekonomi Asia Timur Forum Ekonomi Dunia. Kemuncak tiga hari ini bermula di Kuala Lumpur hari ini.

Dr Mahathir juga berkata beliau agak pasti bahawa China ingin menjual barangannya ke Asia Tenggara seperti Asia Tenggara ingin menjual barangannya ke China.

Beliau yakin bahawa Jepun dan Korea Selatan akan berkerjasama dengan Asean dan bekerjasama sama di bawah panji-panji Asean campur Tiga (Asean+3).

Asean+3 adalah EAEC (Perundingan Ekonomi Asia Timur) dengan nama lain, katanya. -- BERNAMA

AFY SHY OS